

Kepelbagaian penggunaan lafaz tanah dalam al-Quran tentang penciptaan manusia

ABSTRAK

Tanah merupakan komponen yang banyak diperihalkan tentang ciptaan manusia. Terdapat 18 ayat yang mengandungi lafaz tanah yang menceritakan penciptaan manusia daripada tanah dengan menggunakan lafaz berbeza. Bertitik tolak daripada persoalan ini, kajian dijalankan untuk mengenal pasti lafaz yang membawa maksud tanah tentang penciptaan manusia. Kajian ini menggunakan analisis semantik al-Quran menurut perspektif Toshihiko Izutsu dan panduan Iqbal al-Quran daripada Dr. al-ʿAbd al-Fattāh al-Khalid dan Dr. Zaghlul al-Najjar. Melalui pendekatan Toshihiko Izutsu, pengkaji mencari makna dasar dan makna kaitan. Seterusnya hikmah penggunaan lafaz tanah dari sudut Iqbal al-Quran daripada Dr. al-ʿAbd al-Fattāh al-Khalid dan Dr. Zaghlul al-Najjar diterokai. Hasil analisis menemui lima lafaz tanah yang menceritakan asal usul penciptaan manusia iaitu; al-ʿarḍ, al-turāb, al-ḥamī, al-ḥalī dan al-ḥayy. Hasil analisis dapat disimpulkan bahawa lafaz al-ʿarḍ; digunakan untuk menunjukkan kekuasaan Allah dalam mencipta manusia. Lafaz turāb, iaitu makna hakiki merujuk kepada penciptaan Nabi Adam A.S manakala makna majazi merujuk pembentukan air mani untuk penciptaan manusia. Lafaz ḥayy, menceritakan tiga situasi iaitu; Pertama, menunjukkan jenis tanah dan peringkat dalam penciptaan. Kedua, sifat tanah liat untuk menguji keimanan kepada Allah. Ketiga, perbandingan antara dua kelompok untuk melihat keyakinan terhadap ketetapan Allah. Lafaz al-ḥalī dan al-ḥamī menerangkan peringkat dalam penciptaan manusia. Kesimpulannya, setiap lafaz tanah memainkan peranan yang penting dalam konteks ayat yang digunakan.

Kata kunci: Tanah; Penciptaan manusia; Semantik al-Quran